

HUBUNGAN MASA PEMBELAJARAN AKADEMIK DAN PENCAPAIAN KEMAHIRAN DALAM PENDIDIKAN JASMANI

MOHD SAIPI BIN HALIDIN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2008

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

28.6.2008

MOHD SAIPI BIN HALIDIN
M20031001400

PENGHARGAAN

Jutaan terima kasih diucapkan terutamanya kepada penyelia penyelidikan iaitu Dr. Julismah bt Jani yang tidak jemu-jemu memberi bimbingan serta panduan sehingga berjaya menghasilkan penyelidikan ini. Juga kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Jabatan Pelajaran Johor, Pejabat Pelajaran Daerah Kulai kerana memberi kebenaran kepada saya membuat penyelidikan di sekolah-sekolah yang tertentu. Juga kepada pengetua-pengetua sekolah yang terlibat, iaitu SMK Bandar Tenggara, SMK Sultan Alauddin dan SMK Sri Pinang. Seterusnya kepada rakan-rakan guru yang sentiasa memberi sokongan dan bantuan dalam usaha mencari data yang diperlukan.

Seterusnya kepada isteri dan anak-anak yang sentiasa memberi dorongan dan sokongan yang tidak berbelah bahagi sehingga berjaya menghasilkan penyelidikan ini. Sekali lagi diucapkan jutaan terima kasih. Juga kepada pihak-pihak yang tertentu sama ada terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam menjayakan penyelidikan ini.

Abstrak disertasi yang dikemukakan kepada Fakulti Sains Sukan, Universiti Pendidikan Sultan Idris sebagai memenuhi untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Pendidikan Sains Sukan.

**HUBUNGAN MASA PEMBELAJARAN AKADEMIK
DAN PENCAPAIAN KEMAHIRAN
DALAM PENDIDIKAN JASMANI.**

Oleh

MOHD SAIPI BIN HALIDIN

Jun 2008

**Pensyarah Penyelia : Dr Julismah Bt Jani
Fakulti : Sains Sukan**

Kajian ini bertujuan untuk menentukan kadar masa pembelajaran akademik (motor), membandingkan masa pembelajaran akademik di antara pelajar lelaki dan perempuan juga mengenalpasti hubungan masa pembelajaran akademik dengan pencapaian kemahiran pelajar dalam pelajaran Pendidikan Jasmani. Kajian dijalankan di beberapa buah sekolah menengah di daerah Kulai dengan jumlah sampel seramai 18 orang iaitu 9 lelaki dan 9 perempuan yang terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan 2. Kaedah yang digunakan adalah kaedah pemerhatian yang berasaskan jeda masa. Kaedah ini diasaskan oleh Siedentop, Birdwell dan Metzler (1979) dan diubah suai oleh Julismah (2000). Hasil kajian mendapati kadar masa pembelajaran akademik keseluruhan sampel yang dikaji berada pada tahap yang rendah iaitu 35.48%. Pelajar perempuan mempunyai kadar penguasaan yang lebih tinggi iaitu 39.05% berbanding pelajar lelaki iaitu 31.66%. Kajian juga mendapati bahawa hubungan masa pembelajaran akademik dengan pencapaian pelajar adalah pada tahap yang sederhana dengan nilai $r = .42$. Namun pelajar perempuan mempunyai pencapaian akademik yang tinggi iaitu 15.07% berbanding pelajar lelaki iaitu 12.9%. Kajian juga mendapati terdapat perbezaan masa pembelajaran akademik yang signifikan di antara pelajar lelaki dan perempuan iaitu nilai signifikannya ialah .00. Justeru itu, guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Jasmani perlu menggunakan kaedah pengajaran yang sesuai dengan kebolehan pelajar, iaitu memberikan tugas belajar agar pelajar dapat meluangkan masa belajar dalam kadar yang banyak untuk mencapai masa pembelajaran akademik. Masa pembelajaran akademik (motor) mempunyai hubungan dengan pencapaian kemahiran pelajar.

Dissertation abstract as presented to the Faculty of Sports Science, Universiti Pendidikan Sultan Idris, as a fulfillment in obtaining the Masters in Education Sports Science.

**THE RELATIONSHIP BETWEEN ACADEMIC LEARNING
TIME AND SKILL ACHIEVEMENT
IN PHYSICAL EDUCATION**

By

MOHD SAIPI BIN HALIDIN

June 2008


Supervising Lecturer : Dr Julismah Bt Jani
Faculty : Sports Science

This research was carried out to determine the level of academic learning time (motor), to compare the academic learning time between male students and female students, and to identify the relationship between students' academic learning time and skill achievement in Physical Education. This research was conducted in a few secondary schools in the Kulai district, with the total sample of 18 students, comprised of nine male and nine female form 2 students. The methodology used was the observation method, based on time interval. This method was pioneered by Siedentop, Birdwell and Metzler (1979) and modified by Julismah (2000). It was found from the research that, the academic learning time of the entire sample observed is at a low level, which is 35.48%. Also from the findings, it is noticeable that the female students have higher mastery level at 39.05%, as compared to only 31.66% by the male students. The research also found that the relationship between academic learning time and students' skill achievement is at a moderate level, with $r = .42$. However, the female students marked higher in academic achievement at 15.07%, compared to male students at 12.9%. The research also found that there are significant dissimilarities in academic learning time between the two genders with the significant value equals to .00. Therefore, the Physical Education teachers must employ teaching methodology that is suitable with students' capabilities, which is by providing study assignments so that students could allocate more study time in achieving academic learning time. The academic learning time (motor) has a connection with students' skill achievement.

KANDUNGAN**MUKA SURAT**

PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	7
1.3 Objektif Kajian	8
1.4 Persoalan Kajian	9
1.5 Kepentingan Kajian	10
1.6 Batasan Kajian	13
1.7 Definisi Operasional	13
BAB 2 TINJAUAN LITERATUR	
2.1 Masa Pengajaran dan Pembelajaran	16
2.2 Gambaran Keseluruhan Proses Dalam Bilik Darjah	18
2.3 Pendekatan Pembelajaran Dalam Pendidikan	
Jasmani	21
2.4 Masa Pembelajaran Akademik	25
2.5 Perkembangan Kajian Masa Pembelajaran	
Akademik	28
2.6 Masa Pembelajaran Akademik Dalam Pendidikan	
Jasmani	29
2.7 Masa Pembelajaran Akademik (motor)	32
2.8 Memperkembangkan Masa Pembelajaran Akademik	34
2.9 Kajian-Kajian Lampau	37
3.0 Kesimpulan	45
BAB 3 METODOLOGI	
3.1 Rekabentuk Kajian	47
3.2 Tempat Kajian dan Sampel Kajian	48
3.3 Instrumen Kajian	50
3.4 Kebolehpercayaan dan Kesahan	54
3.5 Prosedur Mengumpul Data	55
3.6 Analisis Data	56

BAB 4	DAPATAN KAJIAN	
	4.1 Pendahuluan	58
	4.2 Analisis Dapatan Kajian	58
BAB 5	PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	
	5.1 Perbincangan Dapatan Kajian	73
	5.2 Implikasi Kajian	78
	5.3 Cadangan Kajian	79



SENARAI JADUAL

Jadual	muka surat
3.1 Skala Menentukan Tahap	57
3.2 Skala Kekuatan Korelasi	57
4.1 Kadar masa pembelajaran akademik (motor) pelajar dalam pelajaran permainan bola baling di sekolah yang dikaji.	59
4.2 Tahap pencapaian akademik pelajar dalam pelajaran permainan bola baling di sekolah yang dikaji.	63
4.3 Skor ujian-t masa pembelajaran akademik (motor) di antara pelajar.	66
4.4 Skor ujian-t pencapaian akademik pelajar lelaki dan perempuan.	68
4.5 Hubungan di antara masa pembelajaran akademik (motor) dengan pencapaian akademik pelajar dalam pelajaran permainan bola baling.	71

SENARAI RAJAH

Rajah	muka surat
2.1 Gambaran masa pengajaran dan pembelajaran yang sebenar.	16
2.2 Pembahagian masa dalam satu sesi pengajaran.	27

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Mengikut Akta Pendidikan 1996, mata pelajaran Pendidikan Jasmani telah ditetapkan sebagai salah satu mata pelajaran wajib di dalam sistem pendidikan di Malaysia. Mata pelajaran ini penting kerana melibatkan aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ini juga menggambarkan satu perkembangan yang menyeluruh serta mampu untuk memperkembangkan potensi individu ke tahap yang tinggi selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Kandungan Huraian Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah bagi mata pelajaran Pendidikan Jasmani yang dikeluarkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (2001) telah menetapkan matlamat bagi mata pelajaran Pendidikan Jasmani adalah bertujuan untuk membantu pelajar menjadi cergas melalui aktiviti fizikal dan amalan kecergasan. Bagi mencapai matlamat ini, Pusat

Perkembangan Kurikulum mencadangkan agar proses pembelajaran pelajar yang dijalankan merangkumi tiga aspek penting iaitu;

- i. Penglibatan pelajar secara aktif dan selamat.
- ii. Interaksi yang kreatif dengan rakan, bahan dan alat.
- iii. Penyimpanan rekod kegiatan pelajar sebagai bukti pembelajaran.

Sehubungan dengan itu proses pengajaran dan pembelajaran meliputi tiga tunjang utama iaitu kecergasan, kemahiran dan kesukanan.

- i. Kecergasan – menitik beratkan keupayaan murid melakukan aktiviti fizikal secara berterusan tanpa merasa lesu. Tumpuan diberikan kepada komponen kecergasan fizikal berasaskan kesihatan dan perlakuan motor.
- ii. Kemahiran – menitik beratkan keupayaan murid melakukan kemahiran daripada aspek pergerakan otot besar dan otot halus. Tumpuan diberikan kepada kemahiran asas dalam permainan, olahraga, gimnastik, pergerakan kreatif dan rekreasi.
- iii. Kesukanan – menitik beratkan kefahaman dan pengetahuan bagi mengukuhkan amalan Pendidikan Jasmani dan sukan. Tumpuan diberikan kepada aspek keselamatan, pengurusan kerjaya, etika dan isu-isu dalam Pendidikan Jasmani dan sukan.

Berlandaskan kenyataan di atas, mata pelajaran ini mampu menjelmakan apa yang dinyatakan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu memperkembangkan potensi individu atau pelajar secara menyeluruh. Oleh itu tidak dapat dinafikan bahawa mata pelajaran ini amat penting di dalam sistem pendidikan di Malaysia.

Mengikut “National Association for Sport & Physical Education” (1986), telah menyenaraikan faedah-faedah yang boleh diperoleh melalui Pendidikan Jasmani, iaitu;

- i. Memperbaiki serta meningkatkan kecergasan fizikal
- ii. Membina dan memperkembangkan kemahiran motor yang menjadi asas kepada kemahiran sukan
- iii. Mendorong melakukan aktiviti fizikal yang berterusan dan menjadi sihat
- iv. Membantu ke arah pembelajaran mata pelajaran lain dengan lebih baik
- v. Membina disiplin diri yang baik
- vi. Memperbaiki dalam asas membuat pertimbangan atau membuat keputusan
- vii. Mengurangkan tekanan yang dihadapi
- viii. Memperbaiki serta memperteguhkan perhubungan antara rakan sebaya
- ix. Memperbaiki keyakinan diri serta tanggapan sendiri
- x. Menyediakan pengalaman dalam menentukan matlamat hidup.

Selain daripada itu mata pelajaran Pendidikan Jasmani membantu pelajar meningkatkan kecekapan fizikal, kecergasan yang berkaitan dengan kesihatan, dan keseronokan melalui aktiviti fizikal yang boleh digunakan sepanjang hayat.

Pendidikan Jasmani boleh didefinisikan sebagai pendidikan melalui jasmani iaitu banyak daripada objektif pendidikan dicapai menerusi aktiviti-aktiviti fizikal yang melibatkan pergerakan otot-otot. Mata pelajaran ini juga merupakan program kegiatan fizikal yang berpusatkan sekolah terdiri daripada kemahiran dalam sukan, tarian dan latihan lazimnya diajar dan dilatih. Seterusnya pendidikan jasmani meliputi aktiviti-aktiviti yang bukan sahaja berpusatkan sekolah tetapi juga aktiviti yang diadakan oleh pusat komuniti, persatuan belia dan ahli masyarakat. Komponen utamanya adalah aktiviti tertentu yang direka untuk tujuan pembelajaran.

Mata Pelajaran Pendidikan Jasmani mempunyai empat objektif utama iaitu;

i. Pembangunan Fizikal atau Organik;

Objektif ini melibatkan aktiviti-aktiviti pembangunan kuasa fizikal di dalam individu dengan membangunkan pelbagai sistem organan di dalam tubuh badan individu. Objektif ini juga mengaplikasikan bahawa wujud pembangunan kemahiran dan kebolehan di dalam pelbagai aktiviti pendidikan jasmani dan pembangunan organik bermula dengan tenaga, kekuatan, imbangan, kelembutan dan koordinasi neuro otot.

ii. Pembangunan Neuro otot atau Motor;

Objektif ini melibatkan pembangunan kesedaran tubuh badan, perlakuan pergerakan fizikal dengan sedikit tenaga dan bergerak dengan cekap dan indah. Di dalam aktiviti pendidikan jasmani, kemahiran neuro otot membekalkan seseorang individu dengan kebolehan melakukan sesuatu dengan kadar kecekapan yang tinggi. Maka objektif pendidikan jasmani adalah untuk membangunkan seberapa banyak kemahiran yang mungkin ada pada setiap individu supaya minat individu bertambah luas dan pelbagai. Ini akan membawa keseronokan dan membolehkan individu menyesuaikan diri di dalam kumpulan yang lebih sempurna lagi. Di samping itu kemahiran membolehkan seseorang itu melaksanakan sesuatu aktiviti dengan lebih berkesan, membina keyakinan diri dan mendapat pengiktirafan diri. Ia juga meningkatkan kesihatan fizikal dan mental, membolehkan penyertaan yang lebih selamat dan memupuk perasaan astetik dalam perlakuan kemahiran.

iii. Pembangunan Kognitif;

Pembangunan kognitif ini melibatkan pengumpulan pengetahuan dan keupayaan berfikir serta menginterpretasikan pengetahuan ini. Pendidikan jasmani merangkumi bahan pembelajaran yang berkaitan dengan

pergerakan. Bahan ini terdiri daripada ilmu sains, kemanusiaan dan sumber lain yang menginterpretasikan sifat pergerakan manusia dan kesan pergerakan ke atas pertumbuhan individu serta budaya mereka. Prinsip-prinsip sains juga penting dalam pergerakan, jadi pengetahuan tersebut seharusnya menjadi sebahagian daripada program pendidikan jasmani. Untuk mempelajari kegiatan fizikal, seseorang individu perlu mempelajari mekanisma pergerakan supaya dia boleh memahami pergerakan secara mendalam. Dengan secara tidak langsung, ia membolehkan individu menimba pengetahuan berkenaan mekanisma pergerakan. Kefahaman ini membawa kepada perlakuan fizikal yang lebih cekap.

iv. Pembangunan Sosial, Emosi dan Afektif;

Objektif ini adalah untuk menolong seseorang individu menyesuaikan diri dalam keadaan tertentu dan memainkan peranannya sebagai ahli masyarakat. Jika kepimpinan yang baik diberi, maka pendidikan jasmani merupakan media utama untuk mencapai objektif ini. Aspek lain objektif sosial dalam pendidikan jasmani ialah konsep sendiri. Dalam peringkat pertumbuhan fizikal, individu biasanya diterima atau ditolak oleh rakan sebaya kerana sifat-sifat fizikal. Oleh itu adalah penting untuk menggalakkan pembangunan fizikal individu kerana ia perlu mengetahui kemahiran fizikal dan mempunyai tubuh badan yang sihat serta mengetahui kesannya terhadap pembentukan imej sosial. Tahap kejayaan dalam permainan fizikal juga akan mendorong individu membangunkan keyakinan dirinya dan berpuas hati dengan pencapaian sendiri. Pendidikan jasmani boleh menyumbang ke arah pengalaman-pengalaman kejayaan dengan memberi peluang kepada individu dalam pelbagai aktiviti dan membangunkan kemahiran asas demi mencapai kejayaan dalam aktiviti pendidikan jasmani. Pembangunan afektif

melibatkan sikap, apresiasi dan nilai. Dengan itu pendidikan jasmani seharusnya menekankan sikap-sikap seperti menolong orang lain dalam aktiviti fizikal; mengiktiraf sumbangan kegiatan fizikal terhadap kesihatan dan penggunaan masa lapang; memiliki sikap positif terhadap pendidikan jasmani; menghormati orang lain dan pemimpin serta bekerjasama dalam sesuatu kumpulan.

Sistem pendidikan di Malaysia, merupakan satu media atau saluran untuk menghasilkan golongan yang mampu mewarisi negara dengan segala potensi yang telah dibina dan diperkembangkan dengan sebaiknya melalui semua subjek yang terdapat dalam sistem pendidikan ini. Walau bagaimanapun mata pelajaran Pendidikan Jasmani mempunyai peranan yang amat besar ke arah memperkembang potensi pelajar secara menyeluruh, di samping dapat menghasilkan individu yang berkualiti sebagaimana yang diperlukan oleh negara. Ini juga akan mempercepatkan lagi tercapainya matlamat kerajaan yang menekan pembangunan modal insan pada masa kini. Berdasarkan pembangunan modal insan ini sudah tentu dan pasti mata pelajaran Pendidikan Jasmani menjadi penyumbang utama ke arah melahirkan insan yang mantap dan berketerampilan serta menjadi sumber manusia yang amat berguna bagi mengisi kemajuan negara di masa hadapan.

Di dalam usaha untuk mencapai matlamat ini, adalah perlu bagi guru-guru mempertingkatkan masa pembelajaran akademik di dalam proses pengajarannya. Di dalam usaha mempertingkatkan masa pembelajaran akademik, guru-guru perlu memberi perhatian kepada tiga perkara, iaitu jumlah kandungan pelajaran yang telah dikuasai oleh pelajar, jumlah masa di mana pelajar terlibat dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan pelajar dapat melaksanakan tugas yang diberi dengan jayanya.

Beauchamp, Darst dan Thompson (1990), mendapati masa pembelajaran akademik merupakan petunjuk yang jelas dan nyata sama ada sesuatu proses pengajaran dan

pembelajaran itu berjaya sebagaimana yang dirancang dan dapat memenuhi kehendak dan kebolehan pelajar. Keadaan ini dapat diperhatikan melalui tingkah laku pelajar sama ada berjaya melakukan tugas belajar yang menepati objektif pembelajaran dan jumlah masa pembelajaran akademik yang dikuasai sepanjang sesi pelajaran Pendidikan Jasmani.

Oleh itu, sekiranya mata pelajaran Pendidikan Jasmani dapat diajar dengan cara yang betul dan bersesuaian dengan perkembangan fizikal serta kemampuan pelajar, mereka pasti akan memperolehi faedah yang besar di dalam kehidupan mereka di masa hadapan.

1.2 Penyataan Masalah

Pendidikan Jasmani sememangnya satu mata pelajaran yang banyak memberi faedah kepada perkembangan seseorang pelajar kerana mata pelajaran ini mampu untuk menggerak serta menjana empat unsur utama dalam diri seseorang individu itu iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Namun begitu pelaksanaan Pendidikan Jasmani ini tidak seperti mana yang diharapkan dan juga tidak menepati saranan serta matlamat yang hendak dicapai. Julismah (2000), mendapati guru Pendidikan Jasmani yang dikaji tidak menekankan masa pembelajaran akademik dalam proses pengajarannya. Guru yang dikaji kurang memberi peluang yang secukupnya kepada pelajar melaksanakan aktiviti-aktiviti di dalam proses pengajaran mereka. Ini menyebabkan pelajar tidak dapat menguasai kemahiran yang diajar seperti mana yang dinyatakan dalam objektif pengajaran. Keadaan ini berlaku kerana guru terlalu menekankan aspek pengurusan kelas sehingga menjejaskan masa pembelajaran akademik.

Terdapat juga sesetengah pengetua sekolah yang menggantikan masa atau waktu pengajaran Pendidikan Jasmani ini dengan mengajar mata pelajaran-mata pelajaran

berunsurkan peperiksaan, sedangkan jika menurut Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.3/1997, Bil.2/1998 dan Bil.25/1998 telah dinyatakan dan ditegaskan bahawa waktu yang diperuntukkan untuk mata pelajaran Pendidikan Jasmani tidak boleh digunakan bagi mengajar mata pelajaran lain. Ekoran daripada itu satu kenyataan akhbar telah dibuat oleh menteri pelajaran sendiri iaitu satu peperiksaan yang wajib akan dibuat untuk mata pelajaran Pendidikan Jasmani (Utusan Malaysia. 18 Februari 2005). Ini menjelaskan kepada kita akan tindakan pihak atasan yang mulai sedar akan nilai mata pelajaran ini dan tidak mahu situasi yang sama terus berlaku. Jika perkara ini menjadi kenyataan, sudah tentu cara terbaik ke arah jalan penyelesaiannya ialah meningkatkan masa pembelajaran akademik di dalam pengajaran Pendidikan Jasmani.

Berdasarkan masalah-masalah tersebut pendekatan serta proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani masa kini perlu dipertingkatkan. Guru Pendidikan Jasmani perlu memberi tumpuan dengan memberi masa yang banyak kepada pelajar dalam pembelajaran akademik dengan memberi pelajar tugas belajar secara aktif. Pembelajaran akademik mencakupi disiplin ilmu bidang Pendidikan Jasmani dan disesuaikan dengan proses pengajaran dan pembelajaran.

1.3 Objektif Kajian

Penyelidikan ini mempunyai tujuan untuk mencapai objektif-objektif berikut;

- i. Menentukan kadar masa pembelajaran akademik (motor) pelajar dalam pelajaran Pendidikan Jasmani.
- ii. Menentukan kadar pencapaian akademik (motor) pelajar bagi kemahiran yang diajar dalam pelajaran Pendidikan Jasmani.
- iii. Membandingkan masa pembelajaran akademik (motor) di antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan dalam pelajaran Pendidikan Jasmani.

- iv. Membandingkan kadar pencapaian akademik (motor) di antara pelajar lelaki dan perempuan bagi kemahiran yang diajar dalam pelajaran Pendidikan Jasmani.
- v. Mengenalpasti hubungan antara masa pembelajaran akademik (motor) dengan pencapaian motor pelajar dalam pelajaran Pendidikan Jasmani.

1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif tersebut, persoalan kajian ini adalah seperti berikut;

- i. Sejauh manakah kadar masa pembelajaran akademik (motor) pelajar dalam pelajaran permainan bola baling di sekolah yang dikaji?
- ii. Sejauh manakah tahap pencapaian akademik pelajar lelaki dan perempuan dalam pelajaran permainan bola baling di sekolah yang dikaji?
- iii. Adakah terdapat perbezaan masa pembelajaran akademik (motor) di antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan dalam pelajaran permainan bola baling di sekolah yang dikaji?
- iv. Adakah terdapat perbezaan pencapaian akademik (motor) di antara pelajar lelaki dengan perempuan dalam pelajaran permainan bola baling di sekolah yang dikaji?
- v. Wujudkah hubungan di antara masa pembelajaran akademik (motor) dengan pencapaian akademik pelajar dalam pelajaran permainan bola baling di sekolah yang dikaji?

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini mempunyai kepentingan yang menyeluruh. Kepentingannya bukan hanya dalam soal memastikan peningkatan masa pembelajaran akademik dalam mata pelajaran Pendidikan Jasmani sahaja tetapi juga kepada mata pelajaran-mata pelajaran yang lain dengan pendekatan yang berbeza. Selain itu, dapatan kajian ini juga akan memberi input yang berguna kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam dunia pendidikan. Pihak-pihak itu adalah seperti berikut;

- i. Dapatan kajian ini penting kepada pelajar kerana pelajar perlu diberitahu akan kepentingan masa pembelajaran akademik. Apabila pelajar mengetahui akan kepentingan masa pembelajaran akademik, ini sudah tentu akan membuatkan mereka lebih bersedia dan dapat terus kekal dalam aktiviti pembelajaran yang mampu mempertingkatkan kefahaman mereka. Mereka juga mampu merancang cara pembelajaran mereka di samping bantuan guru serta kecekapan mereka untuk melaksanakan aktiviti pembelajaran dengan jayanya. Selain itu, pelajar juga boleh mempengaruhi rakan-rakan mereka agar tidak melakukan perkara-perkara yang boleh mengganggu masa pembelajaran yang akhirnya akan mengurangkan masa penglibatan mereka dalam aktiviti pembelajaran.
- ii. Hasil daripada penyelidikan ini dapat membantu guru Pendidikan Jasmani meningkatkan keberkesanan dan mutu pengajaran, guru dapat merancang pembahagian masa yang betul agar pelajar benar-benar dapat mempelajari apa yang diajar melalui penglibatan yang aktif serta dapat melibatkan diri dalam jangka waktu yang lebih lama dalam aktiviti pembelajaran berbanding dengan aktiviti lain yang mengganggu penguasaan kemahiran. Dengan memahami akan kepentingan masa pembelajaran akademik ini akan dapat membantu guru-guru mengurangkan gangguan-gangguan yang boleh

mengurangkan masa pembelajaran dan masa penglibatan juga masa untuk tugas. Gangguan-gangguan yang dimaksudkan seperti menunggu kedatangan semua pelajar di padang, pengurusan kelas dan sebagainya. Guru juga mempunyai kesedaran akan betapa pentingnya mengekalkan pelajar atau murid-murid dalam aktiviti pembelajaran agar aktiviti pembelajaran yang dilakukan itu dapat meningkatkan pemahaman pelajar. Jika ini dapat dilakukan dengan baik dan betul, sudah pasti matlamat dan objektif pembelajaran dan pengajaran dapat dicapai dengan jayanya melalui masa pembelajaran akademik yang maksimum.

- iii. Pihak-pihak tertentu seperti Pejabat Pelajaran Daerah, Jabatan Pelajaran Negeri dan Kementerian Pelajaran Malaysia adalah merupakan organisasi yang amat penting dalam merealisasikan pelaksanaan masa pembelajaran akademik yang berkesan dan secukupnya. Jika pihak yang dinyatakan di atas menyedari akan kepentingan masa pembelajaran akademik sudah tentu mereka berusaha untuk mengatasi masalah berkaitan proses pengajaran dan pembelajaran. Masalah utama sudah tentu beban tugas guru yang berat terutama kerja-kerja perkeranian serta latihan sukan. Sudah tentulah pihak yang terlibat ini mampu membuat perubahan dari segi beban tugas guru dan jika ini dapat diatasi sudah tentu lebih banyak masa dapat ditumpukan oleh guru untuk masa pembelajaran. Jika masa pembelajaran dapat dipertingkatkan sudah tentu masa pembelajaran akademik juga dapat dipertingkatkan. Selain itu juga, pihak-pihak ini boleh menentukan corak latihan untuk guru, yang menekankan kepada kepentingan masa pembelajaran akademik. Juga bagaimana cara-cara untuk meningkatkan masa pembelajaran akademik dalam satu sesi pengajaran. Dengan adanya latihan serta kursus yang berkaitan dengan masa pembelajaran akademik ini,

dapat menyedarkan guru Pendidikan Jasmani agar memberi tumpuan yang lebih kepada masa pembelajaran akademik dan mengurangkan perkara-perkara yang boleh mengganggu serta menjejaskan pelaksanaannya.

iv. Pihak Jemaah Nazir Institut Pendidikan juga mempunyai peranan dan kepentingan yang tersendiri dalam hal ini. Pihak nazir sekolah adalah pihak yang berkuasa dalam memantau keberkesanan pengajaran guru-guru di sekolah. Jika pihak nazir sekolah mempunyai pengetahuan dan kefahaman tentang masa pembelajaran akademik ini, sudah tentu mereka juga mampu membimbing guru-guru untuk mempertingkatkan masa pembelajaran akademik dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka. Pihak nazir sekolah juga boleh menyedarkan guru-guru akan kepentingan masa pembelajaran akademik ini dalam mempertingkatkan kejayaan serta pencapaian pelajar. Selain itu, apa yang lebih penting ialah menyedarkan dan membimbing pihak pentadbir sekolah agar mementingkan masa pembelajaran akademik dan ini akan dapat memastikan bahawa masa pembelajaran akademik itu sentiasa dilaksanakan dalam semua mata pelajaran hasil dari pemantauan yang dibuat oleh pihak pentadbir sekolah sendiri.

v. Sekiranya ibu bapa mengetahui akan kepentingan masa pembelajaran akademik serta mengetahui perjalanan sekolah yang sebenar-benarnya, sudah pasti mereka menyedari serta memahami akan beban serta tanggungjawab besar yang terpaksa dilaksanakan oleh guru. Oleh itu ibu bapa melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru pastinya akan cuba untuk membantu pihak guru dan sekolah melaksanakan tugas dengan baik melalui pemantauan yang mereka lakukan terhadap anak-anak mereka agar anak-anak mereka sentiasa bersedia untuk belajar.

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini mengandungi batasan seperti berikut;

- i. Penyelidik terbatas terhadap penyampaian pengajaran guru kerana mereka mempunyai perspektif pendekatan mengajar yang berbeza mengikut pengalaman, pengetahuan dan kemahiran terhadap tajuk pelajaran iaitu permainan bola baling.
- ii. Penyelidik terbatas kepada tahap keaktifan penglibatan pelajar yang dikaji terhadap pelajaran yang diikuti pada masa itu.
- iii. Pemerhatian yang dilakukan hanyalah ke atas tingkah laku penguasaan kemahiran motor pelajar dan tidak melihat tingkah laku pembelajaran yang berkaitan dengan aspek kognitif dan afektif.

1.7 Definisi Operasional

Masa Pembelajaran Akademik (motor)

Masa pembelajaran akademik (motor) dalam kajian ini merujuk kepada jumlah masa pelajar terlibat dalam aktiviti pembelajaran fizikal (motor) pada kadar dan tahap kejayaan yang tinggi. Aktiviti pembelajaran fizikal (motor) yang dijalankan adalah kemahiran dalam permainan bola baling seperti hantaran, menangkap, mengelecek dan menjaring.

Pencapaian Kemahiran

Definisi operasi pencapaian kemahiran merujuk kepada ujian kemahiran menghantar dan menangkap pada aras dada dan atas kepala, melantun, mengelecek dan menjaring dalam permainan bola baling.

Pendidikan Jasmani

Dalam konteks kajian ini, pelajar mengikuti pelajaran Pendidikan Jasmani pada tunjang dua iaitu kemahiran bagi tajuk permainan bola baling, yang difokuskan kepada kemahiran menghantar dan menangkap aras dada, atas kepala, melantun, mengelecek, dan menjaring.



BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

Bab ini penting bagi menjelaskan latar belakang masalah yang hendak dikaji. Kajian-kajian lampau juga menjadi asas dan panduan kepada kajian yang hendak dijalankan agar penyelidik dapat mengatur strategi serta pendekatan yang sesuai dengan keadaan di negara kita. Selain itu dijelaskan juga beberapa perkara seperti masa pengajaran dan pembelajaran, proses dalam bilik darjah dan pendekatan pembelajaran dalam Pendidikan Jasmani yang dapat membantu serta menyokong ke arah kajian yang hendak dijalankan.

Perkara yang dinyatakan di atas itu amat perlu memandangkan kajian yang seumpamanya amat kurang dan tidak begitu dipraktikkan di Malaysia. Oleh itu adalah perlu dijelaskan masalah yang berlaku terhadap masa pembelajaran akademik yang